



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KOMITED TERHADAP MODEL DASAR GAJI PROGRESIF

---

Dasar Gaji Progresif merupakan inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk memastikan pemberian upah/gaji yang adil kepada semua pekerja. Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif yang telah dibentangkan oleh Menteri Ekonomi di Dewan Rakyat pada 30 November 2023 merangkumi ciri-ciri asas, mekanisme pelaksanaan dan sistem penilaian majikan.

Dalam Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif ini **Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan mengetuai beberapa fungsi utama untuk dilaksanakan**. Antaranya ialah, bagi tujuan pembangunan dasar, KSM akan melaksanakan rundingan bersama pihak majikan dan kesatuan sekerja dan menyediakan garis panduan bagi majikan dan pekerja. Disamping itu, pemantauan, penilaian dan koordinasi pembangunan juga turut akan dilaksanakan. Bagi pembangunan sistem, KSM terlibat dalam proses pendaftaran syarikat, pemilihan syarikat dan pemantauan syarikat .

Bagi peningkatan kemahiran pula KSM akan melakukan pelaksanaan verifikasi latihan, pemeriksaan kualiti latihan, pengawalseliaan, pengauditan dan koordinasi latihan. KSM juga akan menyediakan panduan kenaikan gaji tahunan melalui penyediaan cadangan kenaikan gaji tahunan.

Saya yakin bahawa kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Ekonomi dalam usaha pelaksanaan Dasar Gaji Progresif ini akan meningkatkan taraf kehidupan pekerja berpendapatan rendah dengan memberikan mereka upah yang lebih baik dan peluang untuk kemajuan kerjaya, yang akhirnya dapat menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**02 DISEMBER 2023**